

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca bahagian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Akaun Simpanan Berjangka-i. Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat untuk transaksi deposit Murabahah.

MAYBANK ISLAMIC BERHAD
AKAUN SIMPANAN BERJANGKA-i

1/2/2012

1. Apakah produk ini?

Akaun Simpanan Berjangka-i adalah akaun simpanan tetap berdasarkan pada Syariah konsep Komoditi Murabahah. Akaun simpanan tetap merujuk pada produk deposit yang memberi kadar keuntungan tetap bagi satu tempoh yang telah ditetapkan. Deposit ini dilindungi oleh Malaysia Deposit Insurance Corporation (MDIC) atau Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Syariah konsep yang digunakan untuk produk ini ialah Komoditi Murabahah; iaitu akad jual beli dengan pendedahan harga kos asset dan margin keuntungan kepada pembeli.

3. Apakah ciri-ciri yang ada pada produk ini?

- Minima deposit pembukaan: RM 5,000 untuk 1 bulan dan RM 1,000 untuk 2 bulan ke atas (sehingga 60 bulan).
- Tempoh: 1 bulan hingga 60 bulan.
- Pembayaran Keuntungan : a) Untuk tempoh pelaburan dari 1 bulan hingga 12 bulan (masa matang pelaburan); dan
b) Untuk tempoh pelaburan 12 bulan dan ke atas (setiap bulan, setiap 6 bulan atau masa matang pelaburan)
- Kadar Keuntungan: Kadar Tetap ditentukan pada waktu pembukaan akaun.
- Perlindungan Takaful Percuma sehingga RM10,000, perbelanjaan perubatan sehingga RM1,000 dan khairat kematian sebanyak RM1,000 (untuk akaun individu sahaja).
- Sijil Pelaburan Akaun Simpanan Berjangka-i diterima pakai sebagai cagaran bagi kemudahan perbankan.

4. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat lain yang saya harus tahu untuk produk ini?

- Sebarang separa pengeluaran tidak dibenarkan untuk produk ini.
- Bagi pengeluaran pramatang untuk tempoh 3 bulan ke atas, hanya 50% dari kadar keuntungan berdasarkan pada jumlah hari pelaburan akan dibayar.
- Tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran pramatang sebelum tempoh 3 bulan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Tiada kos pemprosesan dikenakan semasa pembukaan akaun ini.
- Kos setem bernilai RM15 untuk surat jaminan ganti rugi akan ditanggung oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan kehilangan sijil Akaun Simpanan Berjangka-i.

6. Apakah risiko yang terlibat?

- Tiada risiko yang terlibat jika tiada pengeluaran pramatang dilakukan.

7. Apakah yang harus dibuat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk memberitahu kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan anda, bagi memastikan sebarang surat-menyurat akan sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai produk ini, anda boleh merujuk pada risalah produk yang terdapat di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai produk-produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:

Maybank Group Customer Care,
 Lot 12, Jalan Astaka U8/84,
 Section U8, Bukit Jelutong,
 40150 Shah Alam,
 Selangor.

Tel : 1-300-88-6688/03-78443696